

## KEKOSONGAN JAWATAN

### PENSYARAH PERGIGIAN (TETAP) DI PUSAT PENGAJIAN SAINS PERGIGIAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

- I. PENSYARAH PERGIGIAN GRED DUG13
- II. PENSYARAH PERGIGIAN PELATIH GRED DUG13P

#### BIDANG

- I. PEMBEDAHAN MULUT DAN MAKSILOFASIAL

#### KELAYAKAN

##### I. PENSYARAH PERGIGIAN DUG13

- a. Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang **Pergigian** dan Ijazah Sarjana dalam bidang **Pembedahan Mulut Dan Maksilofasial** serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia; **DAN**
- b. Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan; **DAN**
- c. Memperolehi kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

##### II. PENSYARAH PERGIGIAN PELATIH DUG13P

- a. Mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang **Pergigian** yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia; **DAN**
- b. Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan; **DAN**
- c. Memperoleh kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

#### KRITERIA TAMBAHAN PENSYARAH PERGIGIAN DUG13

- i. Pengalaman klinikal dalam bidang kepakaran berkaitan.
- ii. Pengalaman mengajar.
- iii. Rekod penyelidikan yang baik.
- iv. Penguasaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang baik.
- v. Sekurang-kurangnya **dua (2)** penerbitan dalam jurnal berindeks akan diberikan keutamaan.

## **SPESIFIKASI TUGAS PENSYARAH PERGIGIAN DUG13**

- i. Bertanggungjawab sebagai penyelaras kursus bagi program akademik di Pusat Pengajian Sains Pergigian.
- ii. Keutamaan diberikan kepada calon yang boleh menyelia pelajar Sarjana/Doktor Falsafah, menjalankan penyelidikan serta penerbitan dalam bidang Pembedahan Mulut dan Maksilofasial.
- iii. Bertanggungjawab untuk merawat pesakit (Perkhidmatan Klinikal).
- iv. Terlibat dalam pelbagai tugas dan perkhidmatan berkaitan universiti, komuniti, industri, aktiviti perundingan, pengkomersialan, serta kepimpinan akademik.

### **CARA MEMOHON**

Sila majukan secara email borang permohonan perjawatan yang boleh didapati di laman sesawang Pusat Pengajian Sains Pergigian, Kampus Kesihatan <https://dental.usm.my> dan sertakan butiran jaya diri (CV) dan dokumen-dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya **19 Mac 2025** kepada:

**Dekan  
Pusat Pengajian Sains Pergigian  
Universiti Sains Malaysia  
16150 Kubang Kerian  
Kelantan  
Emel : dental@usm.my**

*Nota: Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.*